

Bil. S 29

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENDAFTARAN PENJENAYAH (PINDAAN), 2013

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan gelaran panjang Penggal 202.
 3. Pindaan bab 2.
 4. Pindaan bab 3.
 5. Pemasukan bab 3A baru.
 6. Pemasukan Bahagian IIA baru.
 7. Pemasukan bab-bab 13A, 13B dan 13C baru.
 8. Pemasukan bab 15A baru.
 9. Pemasukan Jadual baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENDAFTARAN PENJENAYAH (PINDAAN), 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Pendaftaran Penjenayah (Pindaan), 2013.

(2) Bab 6 dari Perintah ini hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Pindaan gelaran panjang Penggal 202.

2. Gelaran panjang Akta Pendaftaran Penjenayah, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan menambah “dan untuk membataskan kesan sabitan seseorang kerana kesalahan tertentu setelah orang itu menghabiskan tempoh kelakuan bebas jenayah dan bagi maksud-maksud lain yang bersampingan”.

Pindaan bab 2.

3. Bab 2 dari Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas takrifan “cap jari” takrifan baru yang berikut —

“ “Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan Akta ini;”.

Pindaan bab 3.

4. Bab 3 dari Akta itu adalah dipinda dalam cerai (1) —

(a) dengan memotong “dan” dalam perenggan (a);

(b) dengan menggantikan koma pada hujung perenggan (b) dengan koma bernoktah dan memasukkan “dan” sejurus selepasnya; dan

(c) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

“(c) orang-orang yang telah disabitkan atas sebarang kesalahan, atau dibuang negeri, diusir atau dideportasi dari, mana-mana tempat di luar Negara Brunei Darussalam, yang pendaftarannya mungkin telah dibenarkan di bawah bab 3A(1),”.

Pemasukan bab 3A baru.

5. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 3 bab baru yang berikut —

“Pendaftaran orang yang telah disabitkan di atau dibuang negeri dari tempat-tempat di luar Negara Brunei Darussalam.

3A. (1) Menteri boleh membenarkan pendaftaran di bawah Bahagian II bagi mana-mana orang yang telah disabitkan atas sebarang kesalahan di, atau dibuang negeri, diusir atau dideportasi dari, mana-mana tempat di luar Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengannya apa-apa butir yang boleh didaftarkan diberikan kepada Pendaftar oleh pegawai yang menjaga mana-mana rekod jenayah, daftar penjenayah atau orang di tempat itu.

(2) Sebarang kebenaran yang diberikan di bawah cerai (1) boleh sama ada am, berkaitan dengan mana-mana tempat atau mana-mana jenis kes, atau khas, berkaitan dengan suatu kes tertentu.

(3) Setiap kebenaran am yang diberikan di bawah bab ini hendaklah disiarkan dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.”.

Pemasukan Bahagian IIA baru.

6. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas Bahagian II Bahagian baru yang berikut —

“BAHAGIAN IIA

SABITAN SPENT

Tafsiran Bahagian ini.

5A. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“tarikh permulaan kuatkuasa” bermakna tarikh mula berjalan kuatkuasanya Bahagian ini;

“tempoh bebas jenayah” bermakna suatu tempoh yang disebut dalam bab 5C(4);

“kesalahan yang dikecualikan” bermakna sebarang kesalahan yang dimasukkan dalam Jadual yang tidak boleh disifatkan sebagai *spent* di bawah Bahagian ini;

“tempat tahanan” bermakna mana-mana tempat (dengan nama apa jua pun dipanggil) yang ditetapkan atau diarahkan sedemikian di bawah sebarang undang-undang bertulis;

“tempat keselamatan” bermakna mana-mana tempat (dengan nama apa jua pun dipanggil) yang diisytiharkan atau ditetapkan sedemikian di bawah sebarang undang-undang bertulis;

“perintah pemulihan akhlak” bermakna mana-mana perintah mahkamah yang dibuat di bawah sebarang undang-undang bertulis untuk meletakkan seorang pesalah dalam pemulihan akhlak;

“rekod sabitan”, berkenaan dengan seseorang, bermakna rekod sabitannya yang disimpan dalam daftar sebelum, pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa kerana —

(a) sebarang kesalahan yang dilakukan di dalam Negara Brunei Darussalam; atau

(b) sebarang kesalahan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam dan boleh didaftarkan di bawah Akta ini,

dan butir-butir yang boleh didaftarkan yang berkaitan dengannya;

“tempoh hukuman penjara” tidak termasuk suatu tempoh hukuman penjara yang dikenakan oleh mahkamah sekiranya gagal membayar suatu denda atau penalti;

“bebas dengan menyalahi undang-undang” merujuk kepada mana-mana orang yang telah melarikan diri dari tangkapan yang sah, penjara, tempat tahanan, tempat keselamatan atau mana-mana tempat kurungan lain bagi orang-orang yang dianggap sedemikian di bawah sebarang undang-undang bertulis.

Bahagian ini terikat kepada Kerajaan.

5B. Bahagian ini hendaklah terikat kepada Kerajaan.

Sabitan *spent*.

5C. (1) Tertakluk kepada bab 5D, jika seseorang itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di Negara Brunei Darussalam, sabitan itu boleh menjadi

spent menurut Bahagian ini, sama ada sabitan itu adalah sebelum, pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa.

(2) Jika sabitan seseorang di bawah ceraian (1) adalah kerana suatu kesalahan selain dari kesalahan yang dikecualikan yang dinyatakan dalam Jadual dan dia telah menghabiskan tempoh bebas jenayah berkaitan, sabitannya berkenaan dengan kesalahan itu hendaklah menjadi *spent* pada tamatnya tempoh bebas jenayah yang dikenakan kepada orang itu, melainkan jika dia tidak layak di bawah bab 5D.

(3) Sabitan seseorang yang merupakan sabitan *spent* menurut bab ini tidak boleh dihidupkan dengan sabitan kemudiannya orang itu kerana sebarang kesalahan selepas tempoh bebas jenayah.

(4) Dalam Bahagian ini —

“tempoh bebas jenayah” bermakna suatu tempoh tidak kurang dari 5 tahun berturut-turut bermula dari tarikh berkaitan yang dikenakan kepada seseorang, yang dalam tempoh tersebut orang itu —

(a) tidak disabitkan atas suatu kesalahan;

(b) tidak bebas dengan menyalahi undang-undang berkenaan dengan sebarang kesalahan;

(c) tidak tertakluk kepada suatu perintah tahanan di bawah atau suatu perintah bagi apa-apa maksud lain yang dinyatakan dalam bab 3(1) dari Akta Keselamatan Dalam Negeri (Penggagal 133); dan

(d) tidak ditahan atau tertakluk kepada pengawasan di bawah bab 2 dari Akta Undang-Undang Jenayah (Tahanan kerana keselamatan) (Penggagal 150);

“tarikh berkaitan”, berkenaan dengan seseorang, bermakna —

(a) jika hukuman orang itu tidak termasuk suatu tempoh hukuman penjara dan tidak lagi tertakluk kepada rayuan, tarikh hukuman itu dijatuhkan;

(b) jika hukuman orang itu termasuk suatu tempoh hukuman penjara dan tidak lagi tertakluk kepada rayuan, tarikh dia dibebaskan dari jagaan di sisi undang-undang; atau

(c) jika suatu hukuman penjara telah diremit kesemuanya atau diringankan atau digantikan dengan suatu hukuman selain dari suatu tempoh hukuman penjara, tarikh remitan, peringanan atau hukuman yang digantikan itu, mengikut mana yang berkenaan.

(5) Suatu hukuman penjara yang dinyatakan dalam cerai (4) tidaklah termasuk apa-apa hukuman penjara yang dikenakan oleh mahkamah sekiranya gagal membayar suatu denda.

Seseorang itu tidak layak meminta supaya sabitannya menjadi *spent*.

5D. Seseorang itu tidak layak meminta supaya sabitannya menjadi *spent* di bawah bab 5C jika —

(a) sabitan itu adalah kerana suatu kesalahan yang dikecualikan yang dinyatakan dalam Jadual;

(b) hukuman yang dikenakan kepadanya bagi sabitan itu termasuk —

(i) suatu tempoh hukuman penjara melebihi 6 bulan; atau

(ii) suatu denda melebihi \$2,000;

(c) pada masa itu, dia menerima waran tangkap yang dikeluarkan terhadapnya kerana sebarang kesalahan yang masih belum dilaksanakan;

(d) dia mempunyai rekod dalam daftar lebih dari satu sabitan, sama ada atau tidak sabitan-sabitan itu timbul dari keadaan tertentu yang sama; atau

(e) dia pernah meminta supaya apa-apa rekod terdahulu dalam daftar mengenai mana-mana sabitannya menjadi *spent* di bawah bab 5C atau disifatkan sebagai *spent* di bawah bab 5E.

Permohonan oleh orang yang tidak layak meminta supaya sabitannya disifatkan sebagai *spent*.

5E. (1) Seseorang yang tidak layak di bawah bab 5D meminta supaya sabitannya kerana sebarang kesalahan yang dilakukan di bawah bab 5C(1) disifatkan sebagai *spent* boleh, pada bila-bila masa, memohon kepada Pesuruhjaya Polis meminta supaya sabitan itu disifatkan sebagai *spent*.

(2) Suatu permohonan oleh seseorang di bawah cerai (1) hendaklah dalam borang dan disertakan dengan dokumen-dokumen, butir-butir dan maklumat sebagaimana mungkin dikehendaki oleh Pesuruhjaya Polis.

(3) Selepas menerima suatu permohonan di bawah cerai (1), Pesuruhjaya Polis boleh —

(a) enggan membenarkan permohonan itu, atau

(b) membenarkan permohonan itu.

(4) Dalam memutuskan sama ada untuk membenarkan suatu permohonan untuk menyifatkan sabitan pemohon sebagai *spent*, Pesuruhjaya Polis hendaklah mengambil kira hal keadaan kes itu, termasuk faktor-faktor yang berikut —

(a) berat kesalahan yang kerananya sabitan itu akan disifatkan sebagai *spent*;

(b) berat hukuman yang dikenakan bagi sabitan itu; dan

(c) kelakuan pemohon berikutan dengan sabitan itu.

(5) Jika apa-apa dokumen, butir atau maklumat yang diberikan di bawah ceraian (2) adalah palsu dalam suatu butir material, Pesuruhjaya Polis boleh, selepas memberikan peluang yang munasabah untuk didengar secara bertulis kepada orang yang berkenaan, membatalkan kebenaran permohonan untuk menyifatkan sabitan orang itu sebagai *spent*.

(6) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaan, sabitan dan hukuman ke atas mana-mana orang mengikut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu.

Akibat sabitan *spent*.

5F. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), jika sabitan seseorang itu adalah *spent* atau disifatkan sebagai *spent* di bawah Bahagian ini —

(a) orang itu tidak terikat di sisi undang-undang untuk mendedahkan kepada mana-mana orang lain bagi sebarang maksud maklumat berhubung dengan sabitan *spent*;

(b) adalah sah baginya untuk menjawab sesuatu soalan yang ditanyakan kepadanya pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa mengenai sabitannya atau untuk mendedahkan maklumat mengenai sabitannya mengikut cara seolah-olah dia tidak mempunyai rekod sabitan itu;

(c) apa-apa soalan berkenaan dengan sejarah jenayahnya tidak boleh dianggap sebagai merujuk kepada sabitan *spent*;

(d) dalam pengenaan sebarang undang-undang bertulis lain kepada orang itu —

(i) sebutan dalam peruntukan itu kepada suatu sabitan, tidak kira bagaimana jua pun dinyatakan, hendaklah

dianggap sebagai sebutan hanya kepada mana-mana sabitan orang itu yang bukan sabitan *spent*; dan

- (ii) sebutan dalam peruntukan itu kepada sifat atau kelayakan orang itu, tidak kira bagaimana jua pun dinyatakan, tidak boleh ditafsirkan sebagai membenarkan atau menghendaki supaya perhatian diberikan kepada sabitan *spent*.

(2) Ceraian (1)(a) hingga (c) tidaklah dikenakan berhubung dengan —

(a) apa-apa penyiasatan mengenai suatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang dibenarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis untuk menjalankan penyiasatan itu;

(b) apa-apa pendakwaan terhadap orang itu kerana sebarang kesalahan;

(c) mana-mana prosiding di hadapan mahkamah, termasuk pemberian keterangan, atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh mahkamah, termasuk apa-apa keputusan tentang hukuman; dan

(d) apa-apa permohonan oleh seseorang bagi lantikan ke atau pekerjaan dalam mana-mana jawatan, atau bagi penerimaan masuk ke mana-mana profesion atau pekerjaan, yang daripadanya orang itu boleh dibatalkan kelayakannya di bawah sebarang undang-undang bertulis kerana sabitannya.

(3) Bagi maksud ceraian (1)(a) hingga (c) hingga ceraian (2)(d) yang tidak dikenakan, permohonan yang disebut di dalamnya adalah berkaitan dengan, dan tidak terhad kepada, permohonan —

(a) bagi suatu lantikan atau pekerjaan sebagai —

- (i) akauntan, peguambela atau peguamcara, personel tentera, hakim, pegawai kehakiman, pegawai agensi penguatkuasaan undang-undang, majistret, pegawai penjara, pendakwa, personel keselamatan, guru, pembantu guru, penyedia penjagaan kanak-kanak, penyedia penjagaan orang tua, penyedia penjagaan orang kurang upaya; atau
- (ii) seseorang dalam mana-mana pekerjaan atau profesion lain, dan khususnya, mana-mana pekerjaan atau profesion yang melibatkan penjagaan fizikal dan pengendalian orang,

sebagaimana yang ditentukan atau ditetapkan oleh sebarang undang-undang bertulis;

(b) untuk dilantik, digaji atau pun selainnya diguna khidmat, sama ada atau tidak dengan ganjaran kewangan, dalam apa-apa jawatan lain —

(i) berkenaan dengan penjagaan, pengajaran atau pengawasan kanak-kanak, warga tua atau orang kurang upaya; atau

(ii) di sesebuah sekolah, pusat kanak-kanak, hospital atau mana-mana tempat lain di mana penjagaan, pengajaran, pengawasan atau apa-apa perkhidmatan lain disediakan atau dicadangkan untuk disediakan bagi kanak-kanak, warga tua atau orang kurang upaya;

(c) untuk dibenarkan menyediakan penjagaan, pengajaran, pengawasan atau apa-apa perkhidmatan lain bagi kanak-kanak, warga tua atau orang kurang upaya; atau

(d) bagi maksud-maksud lain berkaitan dengan orang lain atau golongan orang sebagaimana yang mungkin diisytiharkan oleh Menteri dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(4) Tertakluk kepada ceraian (2), jika sabitan seseorang itu adalah *spent* atau disifatkan sebagai *spent* di bawah Bahagian ini, Pendaftar hendaklah, tanpa berlengah-lengah, membuat suatu catitan dalam daftar untuk menunjukkan bahawa sabitan itu adalah *spent*.

Kecualian kepada bab 5F,

5G. (1) Tiada sebarang apa pun dalam bab 5F boleh menyentuh —

(a) mendapatkan kembali apa-apa denda atau jumlah wang lain yang diputuskan untuk dibayar;

(b) mana-mana prosiding berkaitan dengan pelanggaran apa-apa syarat atau kehendak yang dikenakan berikutan dengan sesuatu sabitan; atau

(c) kuatkuasa sebarang undang-undang bertulis lain yang di bawahnya mana-mana orang adalah tertakluk kepada sebarang pembatalan kelayakan, ketiadaupayaan, larangan atau penalti lain.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam bab 5F boleh menyentuh keputusan apa-apa isu atau menghalang penerimaan atau kehendak apa-apa keterangan berkenaan dengan sabitan *spent* —

(a) dalam mana-mana prosiding berkenaan dengan kepentingan budak;

(b) dalam mana-mana prosiding jika seseorang itu bersetuju secara bertulis dengan penerimaan keterangan berkenaan dengan sabitan *spent* itu; atau

(c) dalam mana-mana prosiding jika mahkamah berpuas hati bahawa keadilan tidak dapat ditegakkan kecuali dengan penerimaan keterangan berkenaan dengan sabitan *spent* itu.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab 5F boleh menghalang penerimaan apa-apa keterangan yang boleh diterima di sisi undang-undang berkenaan dengan sabitan terdahulu mana-mana orang dalam mana-mana prosiding jenayah atau bagi maksud menghukumnya berkaitan dengan kesalahan selanjutnya.

Rekod sabitan menjadi *spent* apabila perintah tertentu disempurnakan.

5H. Dengan tidak menghiraukan mana-mana peruntukan dalam Bahagian ini, rekod dalam daftar mengenai sabitan seseorang di Negara Brunei Darussalam kerana suatu kesalahan yang atasnya suatu perintah pemulihan akhlak atau suatu perintah khidmat masyarakat dijatuhkan oleh mahkamah hendaklah menjadi *spent* pada tarikh perintah itu disempurnakan.

Sebutan kepada rekod sabitan tidak termasuk rekod kesalahan yang tidak disimpan dalam daftar.

5I. (1) Jika seseorang itu telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang rekodnya tidak disimpan dalam daftar, adalah sah bagi orang itu —

(a) untuk menjawab apa-apa soalan yang ditanyakan kepadanya pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa mengenai rekod sebarang sabitannya (sama ada atau tidak disimpan dalam daftar) mengikut cara seolah-olah soalan itu hanya berkaitan dengan rekod sabitannya yang ditakrifkan di bawah bab 5A(1); dan

(b) untuk tidak mendedahkan apa-apa maklumat mengenai mana-mana rekod sabitan yang tidak disimpan dalam daftar.

(2) Sebarang sebutan dalam mana-mana persetujuan atau dokumen lain yang dibuat pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa kepada rekod sebarang sabitan (sama ada atau tidak disimpan dalam daftar)

seseorang yang dikenakan bab ini, hendaklah dianggap sebagai menyebut hanya kepada rekod sabitan yang ditakrifkan di bawah bab 5A(1), dan bukan kepada mana-mana rekod sabitan yang tidak disimpan dalam daftar.

Pendedahan yang sah.

5J. Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang berlawanan dalam Akta ini, adalah sah bagi mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang dan mana-mana kakitangan kerajaan di dalamnya, pada menjalankan tugas-tugasnya, untuk membuat maklumat mengenai apa-apa sabitan *spent* yang boleh didapati oleh mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang lain, kementerian, jabatan Kerajaan atau oleh mana-mana mahkamah.”.

Pemasukan bab-bab 13A, 13B dan 13C baru.

7. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus sebelum bab 14 tiga bab baru yang berikut —

“Pengeluaran butir-butir boleh daftar dsb. orang apabila berlaku kematian.

13A. Pendaftar hendaklah mengeluarkan dari daftar dan dari pangkalan data DNA butir-butir yang boleh didaftarkan dan maklumat DNA mana-mana orang yang kematiannya telah didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Beranak dan Mati (Penggah 79).

Pendedahan yang menyalahi undang-undang.

13B. (1) Seseorang yang mempunyai akses kepada rekod sabitan yang diterima daripada, atau disimpan oleh atau bagi pihak, mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang tidak boleh, tanpa autoriti yang sah, mendedahkan apa-apa maklumat mengenai sebarang sabitan *spent*.

(2) Seseorang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000 dan penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun.

Mendapatkan maklumat secara salah.

13C. Seseorang yang mendapatkan, dengan cara fraud atau dengan tidak jujur, apa-apa maklumat mengenai sabitan *spent* dari rekod sabitan yang disimpan oleh atau bagi pihak mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000 dan penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun.”.

Pemasukan bab 15A baru.

8. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 15 bab baru yang berikut —

“Pindaan Jadual.

15A. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, meminda Jadual dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.”.

Pemasukan Jadual baru.

9. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas Bahagian V Jadual baru yang berikut —

“JADUAL
(bab 5C(2))

KESALAHAN-KESALAHAN YANG DIKECUALIKAN

BAHAGIAN I

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH KANUN HUKUMAN JENAYAH
(PENGAL 22)

Kesalahan terhadap Negara	bab-bab 121 – 123
Kesalahan berkenaan dengan Angkatan Tentera Darat, Laut, Udara dan Pasukan Polis	bab-bab 131 – 140
Kesalahan Terhadap Ketenteraman Awam	bab-bab 141 – 160
Kesalahan yang dilakukan oleh atau berkenaan dengan Kakitangan Kerajaan	bab-bab 161 – 171
Melawan atau melarikan diri atau cuba melarikan diri dari jagaan atau tahanan yang sah	bab 224
Kesalahan berkenaan dengan Duit Syiling dan Setem Kerajaan	bab-bab 230 - 263B
Memiliki fotograf tidak senonoh kanak-kanak	bab 293A

Mengambil, mengedarkan, menunjukkan, mengiklankan dan mengakses fotograf tidak senonoh kanak-kanak	bab 293B
Kesalahan berkenaan dengan Ugama	bab-bab 295 – 298
Cuba membunuh orang	bab 307
Dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan menggunakan senjata atau benda yang berbahaya	bab 326
Mencabul Kehormatan	bab 354
Menculik, Melarikan Orang, Perhambaan dan Kerja Paksa	bab-bab 359 - 374
Kesalahan Seksual	bab-bab 375 - 377G
Rompakan dan Rompakan Berkumpulan	bab-bab 390 - 402
Menipu	bab-bab 415 – 420

BAHAGIAN II

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG LAIN

Memperdagangkan dadah yang dikawal	bab 3 dari Akta Penyalahgunaan Dadah, (Penggagal 27)
Pemilikan bagi maksud memperdagangkan	bab 3A dari Akta Penyalahgunaan Dadah, (Penggagal 27)
Pengilangan dadah yang dikawal.	bab 4 dari Akta Penyalahgunaan Dadah, (Penggagal 27)
Pengimportan dan pengeksportan dadah yang dikawal	bab 5 dari Akta Penyalahgunaan Dadah, (Penggagal 27)
Penanaman pokok-pokok kanabis, candu dan koka	bab 8 dari Akta Penyalahgunaan Dadah, (Penggagal 27)

Mengilang, membekalkan, memiliki, mengimport atau mengeksport kelengkapan, peralatan atau bahan yang berguna untuk mengilang dadah yang dikawal	bab 8A dari Akta Penyalahgunaan Dadah, (Penggal 27)
Minuman yang memabukkan	bab 172 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggal 77)
Persetubuhan luar nikah	bab 178 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggal 77)
Masjid-masjid yang menyalahi undang-undang	bab 184 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggal 77)
Buku-buku agama	bab 188 dari Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggal 77)
Menyalahgunakan Al-Quran	bab 189 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggal 77)
Penghinaan terhadap agama	bab 191 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggal 77)
Persetubuhan haram	bab 2 dari Akta Persetubuhan Haram, (Penggal 29)
Rasuah	bab 5 dari Akta Pencegahan Rasuah, (Penggal 131)
Urusan tidak jujur dengan ejen	bab 6 dari Akta Pencegahan Rasuah, (Penggal 131)
Menyebabkan penarikan balik tender secara tidak jujur	bab 9 dari Akta Pencegahan Rasuah, (Penggal 131)
Memberi rasuah kepada ahli Majlis Mesyuarat	bab 10 dari Akta Pencegahan Rasuah, (Penggal 131)

Memberi rasuah kepada ahli badan
awam

bab 11 dari Akta Pencegahan
Rasuah, (Penggai 131)".

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1434
bersamaan dengan 17 haribulan April, 2013 di Istana Nurul Iman Beta,
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM